



BH
Berita Harian

KHAMIS, 3 NOVEMBER 2016

klassifieds

LANGGANI SEKARANG!
edisi digital

NST DIGITAL + BH + HM
Paper

<http://subscription.nstp.com.my>
1300 22 6787

www.1k.com.my | 1300 808 123 (Tempatan)
+603 2299 6000 (Antarabangsa)



Kucing TERLEBIH MAKAN

DI DALAM :
TEMPAHAN
DAN
CARIAN
**DAPATKAN
DI SINI!**

AUTO
Kereta
Trak
Bas

NOTIS
Laporan
Keuangan
Tender
Nota An

KLASIFIKASI AM
Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
perabot

HARTANAH
Rumah
Kedua

KERJAYA
Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan

KERAJAAN
Laporan
Keuangan
Tender
Nota Utusan

**LELONGAN/
GUAMAN**
Hartanah
Lelongan
Guaman

RAMAI yang tidak mengetahui berapa banyakkah makanan yang seharusnya diberi kepada kucing kesayangan. Ini kerana kebanyakan pemilik kucing hanya memberikan makanan kepada kucing tanpa mengetahui makanan itu mencukupi atau tidak pada si manja anda.

Tidak kurang juga yang memberi terlebih makanan atas alasan kerja dan selalu pulang lewat. Akibatnya kucing akan mengalami kegemukan dan kurang semangat untuk bermain atau bermanja dengan anda.

Banyak teori dan panduan mengenai keperluan asas kalori yang diperlukan oleh kucing anda. Melalui beberapa nasihat dari pakar, kucing memerlukan 80 kalori untuk setiap kilogram berat badannya sehari (80kalori x kg x hari).

Ini bermakna kalau berat kucing kita 4 kg maka kita memerlukan 80 kalori darab dengan 4 kg. Ini bermakna kucing kita memerlukan 320 kalori setiap hari.



Jumlah kalori dalam makanan kucing

Bagaimana pula ingin mengetahui jumlah kalori di dalam makanan kucing? Sudah tentu ramai yang agak pening memikirkan bagaimana cara ingin mengetahui kalori yang diperlukan.

Kebiasaannya di dalam makanan kucing kering jenis premium (dryfood), ukurannya adalah berdasarkan secawan. Secawan mengandungi lebih kurang purata 300 kalori.

Bagi makanan basah dalam tin pula mengandungi lebih kurang 240 kalori setin. Jika tidak pasti boleh rujuk kepada label yang tertera di pek makanan kucing anda.

Sedikit sebanyak panduan sebegini membantu anda mengetahui dan mengenal kucing kesayangan lebih dekat jika mereka enggan makan atau selalu mengiau kelaparan.

- 80 KALORI untuk setiap kilogram berat badannya sehari
- 300 KALORI dalam secawan makanan kucing kering jenis premium (dryfood)

